

**UCAPAN KONSULTASI BAJET 2009**  
**OLEH**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI KEMENTERIAN KEWANGAN, PUTRAJAYA**  
**21 APRIL 2008**

-----

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop  
Menteri Kewangan Kedua

YBhg. Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang ke Majlis Konsultasi Bajet 2009 pada petang ini. Majlis ini merupakan kerjasama erat antara rakyat, sektor swasta dan Kerajaan dalam merangka bajet tahunan negara. Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap terbuka dalam mengurus dan menangani isu-isu ekonomi dan sosial yang kini semakin mencabar, untuk terus membawa negara ke arah masa depan yang lebih selamat, aman dan makmur.

2. Untuk makluman saudara dan saudari sekalian, pembentangan Bajet 2009 akan diadakan pada 29 Ogos 2008. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah pun mengemukakan pandangan serta input mereka, termasuk yang turut sama menjayakan Majlis Konsultasi Bajet 2009 pada petang ini.

3. Kerajaan akan melaksanakan mandat yang telah diberikan rakyat untuk mentadbir kewangan negara dengan bertanggungjawab dan berhemah. Dalam hal ini, Bajet 2009 akan digubal bagi menjayakan teras Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020. Dengan mengambil kira hasrat yang dikehendaki oleh seluruh lapisan rakyat, beberapa inisiatif baru termasuk program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) akan diperkemas dan dimantapkan lagi supaya hasil pembangunan negara akan dapat dinikmati oleh setiap segmen masyarakat.

Para Hadirin Sekalian,

4. Perkembangan ekonomi negara pada tahun 2007 adalah menggalakkan dan membuktikan negara berada pada landasan yang kukuh. Pertumbuhan ini disokong oleh daya ketahanan ekonomi dalaman yang mantap dan struktur ekonomi yang lebih pelbagai. Pencapaian ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa melaksanakan dasar serta strategi pengurusan ekonomi negara secara fleksibel dan pragmatik bagi menyokong kecergasan aktiviti sektor swasta. Lebih lagi, prestasi ini telah dicapai walaupun pertumbuhan ekonomi negara-negara maju adalah sederhana kesan dari krisis pinjaman subprima di Amerika Syarikat, tekanan harga minyak dan komoditi dunia yang semakin meningkat tinggi dan juga persaingan rantau yang sengit.

5. Namun begitu, masih banyak lagi cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan negara terus melangkah maju ke hadapan. Krisis pinjaman subprima di Amerika Syarikat masih merupakan isu yang berpotensi membawa Amerika Syarikat dan negara maju lain ke arah kemelesetan pertumbuhan ekonomi, manakala persaingan rantau semakin sengit di mana negara China dan India terus mencatatkan tahap pertumbuhan yang tinggi. Namun, cabaran utama adalah kenaikan mendadak harga komoditi dunia, terutamanya makanan serta minyak yang telahpun melebihi paras USD110 setong. Jika berterusan, fenomena ini bukan sahaja akan membawa kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara tetapi lebih penting lagi menghimpit taraf hidup rakyat melalui tekanan inflasi. Kerajaan juga terpaksa menanggung beban subsidi minyak yang amat tinggi, untuk tahun 2007 sahaja ianya telah menjangkau lebih RM 33 bilion.

6. Dengan mengambil kira perkembangan semasa ini, langkah-langkah pembaharuan yang proaktif dan inovatif perlu dilaksanakan segera, yang dapat mengurangkan beban kewangan rakyat, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Antaranya, sistem subsidi minyak di pam perlu distruktur semula ke arah sistem yang lebih adil dan saksama, yang membawa manfaat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

7. Dalam pada itu, Kerajaan akan terus prihatin dan komited untuk mengambil perhatian permasalahan yang dihadapi oleh rakyat sama ada dari segi sosioekonomi mahupun kualiti hidup. Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan tiada golongan yang terpinggir sama sekali dalam arus pembangunan negara.

8. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Kerajaan juga akan mengambil kira faktor pandangan jauh, di mana fokusnya bukan sahaja untuk menangani cabaran semasa tetapi juga menjamin pembangunan negara yang mapan. Sebagai contoh, selain pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9, pembangunan kelima-lima koridor wilayah ekonomi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan akan membawa kemajuan yang lebih pesat dan seimbang. Ianya akan memberi manfaat yang lebih menyeluruh kepada pelbagai lapisan rakyat, baik di bandar mahu pun di luar bandar tanpa mengira kaum. Berpandukan kepada lima teras Misi Nasional, Kerajaan percaya bahawa negara berada di atas landasan yang betul untuk mengorak langkah ke tahap pembangunan yang lebih kukuh.

Para hadirin sekalian,

9. Dalam melaksanakan strategi Bajet 2009, saya amat berharap saudara dan saudari sekalian akan dapat mengemukakan pandangan dan cadangan masing-masing untuk kita pertimbangkan dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan yang mapan. Di sini saya menyeru supaya pihak sektor swasta dapat menyumbang dalam memacu peningkatan nilai tambah, memantapkan daya saing dan ketahanan serta mempelbagaikan ekonomi negara. Dalam konteks memastikan kemakmuran hasil daripada pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati oleh semua rakyat, pihak swasta perlu juga memainkan peranan dalam menjayakan agenda sosioekonomi negara, termasuk pemantapan tanggungjawab sosial korporat.

10. Saudara-saudari sekalian juga perlu memikirkan bagaimana kita dapat membantu rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dalam mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup. Ini berikutan peningkatan tekanan inflasi akibat daripada paras harga minyak mentah dan makanan dunia yang terus tinggi. Begitu juga dengan rasa tidak puas hati pengguna, terutamanya di kawasan-

kawasan bandar berhubung dengan mutu perkhidmatan awam, termasuk pengangkutan awam yang boleh menjejaskan kualiti kehidupan masyarakat.

11. Di samping itu, isu mengenai pembasmian kemiskinan perlu juga diberi perhatian sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran kemiskinan tegar sifar dan mengurangkan kemiskinan relatif tanpa mengira kaum menjelang 2010. Pembangunan modal insan yang berkualiti perlu juga dipertingkatkan sebagai satu strategi bagi meningkatkan peluang memperoleh pekerjaan dan meningkatkan pendapatan serta produktiviti bagi mengukuhkan daya saing negara. Isu keselamatan awam dan keamanan juga tidak kurang penting dan menjadi salah satu agenda utama negara untuk diberi tumpuan. Dalam hubungan ini, saya menyeru supaya semua pihak dapat memberi pandangan yang membina bagi meningkatkan tahap keselamatan awam serta membanteras jenayah. Selain itu, isu alam sekitar wajar diberi perhatian memandangkan kesan pemanasan global yang semakin ketara sejak kebelakangan ini yang boleh menjejaskan kualiti hidup rakyat.

Para Hadirin Sekalian,

12. Sejalan dengan matlamat yang dicapai oleh negara serta isu-isu yang dibangkitkan, Bajet 2009 akan menumpukan usaha ke arah memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi yang mapan di samping memastikan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, Tema Bajet 2009 yang dipilih pada tahun ini ialah "Meningkatkan Daya Tahan Bagi Pertumbuhan Mapan dan Perkongsian Kemakmuran" atau "Enhancing Resilience for Sustained Growth and Shared Prosperity".

13. Seterusnya saya buka majlis ini kepada pembentangan kertas kerja dan perbincangan.

Sekian, terima kasih.